

3 kategori baru OKU diperkenal

Pendaftaran boleh dibuat mulai 1 Januari depan

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan memperkenalkan tiga lagi kategori baru bagi Orang Kurang Upaya (OKU) iaitu golongan kurang upaya pertuturan, golongan kurang upaya mental dan mereka yang mengalami lebih daripada satu ketidakupayaan dan semua pendaftaran golongan ini boleh dibuat mulai 1 Januari depan.

Ketika mengumumkannya semalam, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, men-

jelaskan golongan kurang upaya pertuturan merujuk mereka yang tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi seperti afonia (tiada suara) dan dysarthria (tidak boleh bercakap). OKU mental pula ada-

INFO

3 kategori baru OKU

- Golongan kurang upaya pertuturan
- Golongan kurang upaya mental
- Mereka yang mengalami lebih daripada satu ketidakupayaan



SHAHRIZAT membantu Pengarah Eksekutif Beautiful Gate Foundation, Sia Siew Chin menaiki kerusi roda pada Majlis Perasmian Sambutan Hari OKU di Kuala Lumpur semalam. Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (kanan).

lah individu yang menghidap penyakit mental kronik seperti 'skizofrenia,' 'mood disorder' dan 'organic mental disorder' yang serius serta kronik dan sudah menjalani rawatan psikiatri sekurang-kurangnya dua tahun.

La tambahan kepada empat kategori sedia ada iaitu kurang upaya penglihatan, pendengaran, kurang upaya fizikal dan masalah pembelajaran.

"Kategori baru ini diwujudkan selepas mengambil kira maklum balas diterima serta rundingan pelbagai pihak antaranya agensi kerajaan, pertubuhan bukan ke-

rajaan serta OKU sendiri. Mereka meminta diwujudkan kategori OKU lebih menyeluruh, menepati kehendak semasa dan selaras definisi diterima pakai dalam Akta OKU 2008," katanya pada sidang media sempena Sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan di sini, semalam.

Shahrizat berkata, menerusi kategori baru itu, lebih ramai individu mengalami ketidakupayaan, mendapat manfaat daripada perkhidmatan dan kemudahan disediakan kerajaan dan pihak lain selaras Dasar dan Pelan Tindakan Nasional OKU.